**DISEDIAKAN OLEH :**

**TANDATANGAN :** ..............................................

**NAMA :** **ROZITA BINTI HAMIT**

**JAWATAN :** **PENGARAH BAHAGIAN PERANCANGAN WILAYAH**

**TARIKH :** **18 MEI 2020**

**DILULUSKAN OLEH :**

**TANDATANGAN :** ..............................................

**NAMA :** **TPr ROHANI BINTI MD HASHIM**

**JAWATAN :** **TIMBALAN KETUA PENGARAH (PERANCANGAN)**

**TARIKH :** **18 MEI 2020**

**1.0 OBJEKTIF**

Dokumen ini bertujuan untuk dijadikan panduan bagi penyediaan Terma Rujukan.

**2.0 SKOP**

Prosedur ini digunapakai dalam menyediakan Terma Rujukan bagi penyediaan RW.

**3.0 TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN**

| NO. | TANGGUNGJAWAB | TINDAKAN |
|---|---|---|
| 1.0 | Pgh. BPW | 1.1 Menerima arahan untuk menyediakan RW. |
| 2.0 | | **Penyediaan Draf Terma Rujukan** |
| | KU | 2.1 Mengadakan perbincangan dengan Pasukan Teras untuk menyediakan Draf Terma Rujukan. |
| | | 2.2 Menyediakan Draf Terma Rujukan mengikut format dan Isi kandungan (Lampiran 1 dan 2). |
| 3.0 | | **Penyelarasan Draf Terma Rujukan** |
| | KU | 3.1 Mengadakan Mesyuarat JK Penyelarasan bagi membincangkan Draf Terma Rujukan. |
| | | 3.2 Membuat pindaan Draf Terma Rujukan ulasan/ cadangan/ pandangan semasa Mesyuarat berkenaan (sekiranya perlu). |
| 4.0 | | **Makluman JPN dan Kelulusan JPP PLANMalaysia (JPBD)** |
| | Pgh. BPW | 4.1 Membentang Draf Terma Rujukan untuk makluman dalam mesyuarat JPN, negeri yang berkaitan (sekiranya perlu). |
| | KU | 4.2 Membuat pindaan kepada Draf Terma Rujukan mengambilkira ulasan/ cadangan/ pandangan semasa Mesyuarat berkenaan (sekiranya perlu). |
| | | 4.3 Membentangkan Draf Terma Rujukan dalam mesyuarat JPP PLANMalaysia (JPBD) untuk kelulusan. |
| | KU | 4.4 Mengemaskini dan mengemukakan Terma Rujukan kepada Unit Penyelarasan Projek (UPP) untuk Pelawaan Perunding (rujuk PLANMalaysia (IP) PKT 03) (sekiranya kajian melibatkan pelantikan perunding). |

## 4.0 REKOD - REKOD KUALITI

| Bil. | Jenis Rekod | Lokasi | Tempoh Simpanan | Lampiran |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Surat atau Memo Arahan atau Minit Mesyuarat Penyediaan RW | PLANMalaysia (IP) Bahagian Perancangan Wilayah | 5 tahun | |
| 2. | Draf Terma Rujukan | PLANMalaysia ( IP) Bahagian Perancangan Wilayah | 5 tahun | |
| 3. | Terma Rujukan | PLANMalaysia ( IP) Bahagian Perancangan Wilayah | 5 tahun | |
| 4. | Minit Mesyuarat JK Penyelarasan | PLANMalaysia ( IP) Bahagian Perancangan Wilayah | 5 tahun | |
| 5. | Cabutan Minit/ Keputusan/ Arahan Mesyuarat JPN | PLANMalaysia ( IP) Bahagian Perancangan Wilayah | 5 tahun | |
| 6. | Minit Mesyuarat JPP PLANMalaysia (JPBD) | PLANMalaysia ( IP) Bahagian Perancangan Wilayah | 5 tahun | |

## 5.0 CARTA ALIR PENYEDIAAN TERMA RUJUKAN

**CARTA ALIR**




| T/JAWAB | REKOD KUALITI |
|---|---|
| KU | |
| Pgh.BPW | Draf Terma Rujukan |
| Pgh. BPW | Minit Mesyuarat JK Penyelarasan |
| Pgh. BPW | Cabutan Minit/ Keputusan/ Arahan Mesyuarat JPN |
| Pgh. BPW | Minit Mesyuarat JPP PLANMalaysia |
| Pgh. BPW | Terma Rujukan |

***Lampiran 1***

| FORMAT TERMA RUJUKAN | | |
|---|---|---|
| **1.0** | **Pengenalan** | • Menerangkan tujuan penyediaan Terma Rujukan. |
| **2.0** | **Rangka Kerja Keperluan** | • Menerangkan latar belakang, perletakan dan sempadan kawasan kajian merangkumi kawasan pembangunan dan kawasan berpotensi untuk dibangunkan atau dipelihara selaras dengan keperluan pembangunan wilayah tersebut.<br>• Menjelaskan keperluan perundangan. |
| **3.0** | **Rangka Kerja Perancangan dan Pembangunan** | • Menerangkan asas pembentukan hala tuju perancangan berdasarkan daripada kajian-kajian sedia ada.<br>• Menerangkan pembangunan kawasan bersempadanan.<br>• Mengambilkira dasar dan strategi yang dikenalpasti dalam Rancangan Fizikal Negara, Rancangan Struktur Negeri dan sebagainya. |
| **4.0** | **Hala Tuju Pembangunan** | • Wawasan pembangunan yang menerangkan visi dan arah tuju pembangunan wilayah berkenaan.<br>• Matlamat Pembangunan yang merumuskan arah tuju penekanan perancangan menepati wawasan yang dinyatakan ke dalam Rangka Kerja RW bagi tempoh perancangan yang ditetapkan.<br>• Objektif pembangunan yang menterjemahkan wawasan dan matlamat pembangunan ke dalam aspek-aspek perancangan guna tanah wilayah. |
| **5.0** | **Pengurusan Kajian** | • Tempoh kajian mengandungi Jadual pelaksanaan kajian mengikut perjalanan aktiviti-aktiviti utama.<br>• Hasil Kajian.<br>• Struktur Pengurusan Kajian yang menerangkan struktur JK yang akan menyelaras dan mengawal selia perjalanan kajian dari segi kemajuan pelaksanaan dan kualiti output serta JK yang meluluskan RW.<br>• Menjelaskan pengurusan kewangan anggaran perbelanjaan yang diperlukan mengikut pecahan kos terperinci bagi penyediaan RW. |

***Lampiran 2***

| ISI KANDUNGAN TERMA RUJUKAN | | |
|---|---|---|
| **1.** | **Kawasan RW** | • Menerangkan perletakan dan sempadan kawasan kajian merangkumi kawasan pembangunan dan kawasan berpotensi dalam wilayah tersebut selaras dengan keperluan pembangunan wilayah tersebut. |
| **2.** | **Rumusan Dasar-Dasar RFN dan RS** | • Rumusan dasar-dasar RFN dan RS serta isu-isu pembangunan kawasan kajian sebagai *input* kepada pembentukan wawasan, matlamat dan objektif. |
| **3.** | **Wawasan Pembangunan** | • Menerangkan visi dan arah tuju pembangunan bagi kawasan berkenaan sebagaimana yang ditetapkan di dalam RFN dan RS. Wawasan pembangunan akan dijadikan asas dan justifikasi dalam cadangan RW. |
| **4.** | **Matlamat dan Objektif** | • Rumusan arah tuju dan penekanan perancangan menepati wawasan yang dinyatakan ke dalam Rangka Kerja RW bagi tempoh perancangan yang ditetapkan.<br>• Menterjemahkan wawasan dan matlamat pembangunan ke dalam aspek-aspek perancangan guna tanah wilayah. |
| **5.** | **Tempoh Kajian** | • Jadual Pelaksanaan kajian mengikut perjalanan aktiviti-aktiviti utama. |
| **6.** | **Bidang Kajian** | • Sektor-sektor utama yang perlu diberi penekanan berasaskan tema-tema yang dikenalpasti memenuhi kehendak wawasan, matlamat dan objektif. |
| **7.** | **Implikasi Kewangan** | • Anggaran perbelanjaan yang diperlukan. |
| **8.** | **Struktur Pengurusan Penyediaan RW** | • Pihak-pihak yang terlibat dalam penyediaan, penyelarasan, pengawasan dan penyeliaan di dalam proses penyediaan RW.<br>• Struktur JK yang akan menyelaras dan mengawal selia perjalanan kajian dari segi kemajuan pelaksanaan dan kualiti output serta JK yang meluluskan RW. |